Media: Berita Harian

Date: 16 March 2023

AJINOMOTO CO., INC.

MENJADI RAKAN KONGSI PREMIUM SUKAN SEA KE-32 DAN SUKAN PARA ASEAN KE-12 YANG AKAN DIADAKAN DI KEMBOJA

Untuk memberikan sokongan selanjutnya di bawah Victory Project ASEAN

Ajinomoto Co., Inc. (Ajinomoto Co.) telah menandatangani perjanjian untuk berkhidmat sebagai penaja rasmi Sukan Asia Tenggara ke-32 (Sukan SEA) dan Sukan Para ASEAN ke-12,

Para ASEAN ke-12, bersama-sama sebagai KEMBOJA 2023, yang bakal diadakan di

Kemboja pada Mei dan Jun 2023.

Ajinomoto Co. akan menjalankan aktiviti sokongan sebagai Rakan Kongsi Premium KEMBOJA 2023.

Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN diadakan setiap dua tahun untuk membantu menjalinkan kerjasama, persefahaman dan perpaduan serantau yang kukuh dalam komuniti Asia Tenggara.

Ia merupakan acara sukan terbesar yang diadakan di Asia Tenggara, dengan tarikan perhatian daripada lebih 600 juta orang di rantau ini.

Bermula dari Sukan SEA ke-29 yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 2017, Ajinomoto Co. telah memeterai perjanjian penajaan untuk empat Sukan SEA berturutturut.

Sejak 2003, Ajinomoto Co. telah mengusahakan Victory Project* untuk menyokong pelaziman atlet peringkat tertinggi di Jepun dan menjalankan aktiviti sokongan pemakanan menggunakan kuasa asid amino, termasuk menyediakan produk Kumpulan Ajinomoto seperti amino Vital dan mempromosikan Winning Meals Kachimeshi.**

Dengan menggunakan pengetahuan ini, enam anak syarikat Kumpulan Ajinomoto di

PREMIUM PARTNER



AJINOMOTO. telah mengikuti Victory Project ASEAN dengan persatuan sukan, atlet dan sekolah sukan di negara

masing-masing sejak 2018. Ajinomoto (M) Berhad (AMB) merupakan salah satu syarikat

rantau ASEAN

ASEAN yang menyokong Victory Project.
Di samping itu, Ajinomoto Co. akan
menggunakan tajaan rasmi Sukan SEA
ini sebagai peluang untuk memberikan
sokongan selanjutnya di bawah Victory
Project ASEAN melalui anak-anak syarikatnya
di rantau ASEAN.

AMB telah menerima sokongan padu daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk "Sport Nutrition Awareness Project" di Sekolah Sukan Bukit Jalil (BJSS) sejak 2019, dengan matlamat untuk membantu pelajar atlet dalam mengekalkan pengambilan nutrisi yang seimbang dan

Hasilnya, AMB menyokong pelajar atlet mencapai "KEMENANCAN" dengan menyediakan Winning Meals Kachimeshi, ceramah pendidikan dan menubuhkan sudut pemakanan sukan untuk meningkatkan lagi pengetahuan pemakanan pelajar atlet. Pada tahun 2022, AMB telah memperluaskan perjalanan ke Sekolah Sukan Malaysia Pahang (SSMP).

Ajinomoto Co. mempunyai pangkalan perniagaan di Malaysia, Kemboja (tuan rumah acara tersebut), serta di Filipina, Thailand, Indonesia, Singapura, Vietnam dan lain-lain, dan telah menjalankan pemiagaan makanan pengguna di negara-negara tersebut selama bertahun-tahun, lantas mengekalkan hubungan rapat dengan budaya makanan tempatan.

Ajinomoto Co. akan terus memberikan sokongan terhadap sukan untuk menyumbang kepada penyelesaian isu makanan dan kesihatan orang ramai di setiap negara.

* Sokongan aktiviti termasuk panduan tentang pemakanan sukan dan pelaziman asid amino untuk atlet peringkat tertinggi di kejohanan antarabangsa.

** Program pemakanan Ajinomoto Co. untuk menambahbaik persekitaran pemakanan atlet.

Gambaran keseluruhan KEMBOJA 2023 (Sukan SEA ke-32 / Sukan Para ASEAN ke-12) 1. Lokasi: Kemboja

- Lokasi: Kemboja
 Jadual acara: Sukan SEA ke-32 dari 5 hingga 17 Mei 2023 (13 hari)
 Sukan Para ASEAN ke-12 dari 3 hingga 9 Jun 2023 (7 hari)
- Negara yang mengambil bahagian:
 Thailand, Indonesia, Filipina, Vietnam,
 Malaysia, Brunei, Kemboja, Laos, Myanmar,
 Singapura dan Republik Demokratik TimorLeste (Jumlah 11 negara)
- 2. Penganjur: Jawatankuasa Penganjur Sukan Asia Tenggara Kemboja 2023